

## PENYATA PENDEDAHAN PRODUK / PRODUCT DISCLOSURE SHEET



BANK SIMPANAN NASIONAL

Sila baca dan fahami Penyata Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil **BSN Sijil Simpanan Premium (BSN SSP)**. Sila pastikan anda juga membaca terma-terma di dalam Terma dan Syarat Bagi BSN SSP. Dapatkan penjelasan daripada BSN jika anda tidak memahami mana-mana bahagian atau terma-terma amnya.

*Please read this Product Disclosure Sheet before you decide to take out the **BSN Sijil Simpanan Premium (BSN SSP)**. Be sure to also read the terms and conditions in Terms and Conditions of BSN SSP. Kindly seek clarification from BSN if you do not understand any part of this document or the general terms.*

### BSN Sijil Simpanan Premium (BSN SSP)

Tarikh / Date : \_\_\_\_\_  
Untuk diisi oleh Eksekutif Kewangan /  
Cawangan / To be filled in by Financial Executive /  
Branch Representative)

#### 1. Apakah produk ini? / What is this product about?

BSN Sijil Simpanan Premium (BSN SSP) merupakan produk mandat Bank Simpanan Nasional (BSN) di mana Pelanggan yang melanggan produk ini boleh menyertai Cabutan BSN SSP dan berpeluang memenangi hadiah cabutan yang menarik. Ia merupakan produk simpanan unik patuh Syariah terbuka kepada Pelanggan individu seawal 12 tahun. / *BSN Sijil Simpanan Premium (BSN SSP) is a mandated product of Bank Simpanan Nasional (BSN) where the customer who subscribe to this product are eligible in BSN SSP's draw and stand a chance to win attractive draw prizes. It is a unique Shariah-compliant savings product available to individual customers as young as 12 years old.*

#### 2. Apakah konsep Syariah yang digunapakai untuk produk ini? / What is the Shariah Concept applied?

Mudarabah adalah kontrak antara pemilik modal (Pelanggan atau pihak ketiga, mengikut keadaan) dan pengusaha (Bank) di mana Pelanggan atau pihak ketiga (mengikut keadaan) menyediakan modal untuk diuruskan oleh Bank dan sebarang keuntungan yang terhasil dari modal tersebut dikongsi di antara Pelanggan dan Bank mengikut Nisbah Perkongsian Keuntungan (NPK) yang dipersetujui manakala kerugian ditanggung oleh Pelanggan selagi mana kerugian tersebut tidak disebabkan oleh tindakan salah laku (*ta'addi*), cuai (*taqsir*) atau pelanggaran syarat-syarat (*mukhalafah al-shurut*) oleh Bank. / *Mudarabah is a contract between a capital provider (Customer or third party, as the case may be) and an entrepreneur (Bank) under which the Customer or third party (as the case may be) provides capital to be managed by the Bank and any profit generated from the capital is shared between the Customer and the Bank according to a mutually agreed Profit Sharing Ratio (PSR) whilst financial losses are borne by the Customer provided that such losses are not due to the Bank's misconduct (ta'addi), negligence (taqsir) or breach of specified terms (mukhalafah al-shurut).*

#### 3. Bagaimana produk ini boleh dilanggan? / How this product can be subscribed?

Terdapat tiga cara langganan BSN SSP seperti berikut: / *There are three ways to subscribe to BSN SSP as follows:*

- Oleh Pelanggan / *By the Customer*  
Bagi BSN SSP yang dilanggan oleh pelanggan sendiri, pelanggan adalah bertindak dengan kapasitinya sebagai pemilik modal (*rabbul mal*) manakala Bank sebagai pengusaha (*mudarib*). / *For BSN SSP subscribed by the customer himself, the customer is acting in his capacity as a capital provider (rabbul mal) while the Bank is acting as an entrepreneur (mudarib).*
- Oleh wakil Pelanggan / *By the Customer's representative*  
Langganan BSN SSP juga boleh dilakukan oleh pihak ketiga berdasarkan permintaan Pelanggan, melalui perlantikan agensi (*wakalah*), dengan tujuan melaksanakan itu bagi pihak Pelanggan (*rabbul mal*) dan Bank sebagai pengusaha (*mudarib*). / *A BSN SSP Subscription can also be initiated by a third party as per the Customer's request, through the appointment of agency (Wakalah), to carry out the said subscription on behalf of the Customer (rabbul mal) with the Bank acting as the entrepreneur (mudarib).*
- Oleh pihak ketiga / *By a third party*  
Produk ini juga boleh dilanggan oleh pihak ketiga (individu/ organisasi / syarikat) untuk dihadiahkan kepada Pelanggan seperti pemberian cenderahati persaraan, anugerah cemerlang, anugerah khidmat setia, bonus dan lain-lain. Bagi langganan sebegini, pihak ketiga bertindak di atas kapasitinya sendiri sebagai pemilik modal (*rabbul mal*) dan pihak Bank sebagai pengusaha (*mudarib*). Seterusnya, pihak ketiga akan memindahkan hak milik langganan BSN SSP tersebut kepada individu lain berdasarkan kontrak hibah (pemberian). / *This product can also be subscribed to by third parties (individuals/organizations/companies) to be given to the Customer as retirement souvenirs, outstanding awards, loyal service awards, bonuses, and more. In this case, the third party acts as the capital provider (rabbul mal) and the Bank acts as the entrepreneur (mudarib). Subsequently, the third party will transfer the ownership of the BSN SSP subscription to another individual based on a hibah (gift) contract.*

#### 4. Apa yang boleh saya perolehi dari produk ini? / What do I get from this product?

- Layak untuk cabutan BSN SSP dengan 1 kelayakan bagi 1 unit BSN SSP (RM10) / *Eligible for BSN SSP's draw with 1 eligibility per 1 unit BSN SSP (RM10).*
- Keuntungan (jika ada) akan diagihkan antara Bank dan Pelanggan berdasarkan Nisbah Perkongsian Keuntungan (NPK) yang dipersetujui seperti di bawah / *Profit (if any) will be distributed between the Bank and the customer based on agreed Profit Sharing Ratio (PSR) as below:*

BSN SSP	Nisbah Perkongsian Untung / Profit Sharing Ratio	Kadar Keuntungan Indikatif / Indicative Profit Rate
RM10 – RM50,000	1:99	0.05%
> RM50,000	2:98	0.11%

- Keuntungan adalah dikira secara bulanan dan dibayar secara tahunan. Pengiraan keuntungan mengikut formula berikut: / *Profit is calculated on monthly basis and paid on yearly basis. Profit calculation as per following formula:*

**Baki Minima Bulanan x Kadar Keuntungan Indikatif\* x Bilangan Hari peletakan BSN SSP / 365 (bukan tahun lompat) atau 366 (tahun lompat) / Monthly Minimum Balance x Indicative Profit Rate\* x No. of Days of BSN SSP placement / 365 (non-leap year) or 366 (leap year)**

**Nota / Note:**

\*Kadar Keuntungan Indikatif dan Nisbah Perkongsian Untung terkini akan dipaparkan di laman sesawang BSN dari semasa ke semasa. / *\*The latest Indicative profit rate and Profit Sharing Ratio will be displayed at BSN website from time to time.*

- Semua hadiah SSP adalah dikecualikan daripada cukai pendapatan. / *All SSP prizes are exempted from income tax.*

**5. Apakah tanggungjawab saya? / What are my obligations?**

- Simpanan minima ialah RM10. Tiada had maksima bagi jumlah simpanan atau tempoh. / *Minimum saving is RM10. No maximum limit of savings amount or tenure.*
- BSN SSP boleh ditebus sepenuhnya atau sebahagian daripadanya selepas 45 hari dari tarikh simpanan. / *BSN SSP can be fully or partially redeemed after 45 days from the date of savings.*
- Penebusan BSN SSP boleh dilakukan di mana-mana Cawangan Bank. / *BSN SSP redemption can be made at any of the Bank's Branches.*
- Hadiah Cabutan SSP hendaklah dituntut oleh pemenang dalam tempoh 12 bulan dari tarikh cabutan BSN SSP. / *BSN SSP Draw Prizes must be claimed by the winners within 12 months from the BSN SSP draw date.*

**6. Apakah bayaran lain yang perlu saya bayar? / What other charges do I have to pay?**

Tiada fi dan caj dikenakan. / *No fees or charges will be imposed.*

**7. Apakah risiko yang terlibat? / What are the risks involved?**

- BSN SSP adalah tertakluk kepada tempoh pegangan selama 45 hari dari tarikh simpanan. / *BSN SSP is subject to holding period of 45 days from the savings date.*
- Sebarang keuntungan hendaklah dituntut dalam masa satu tahun dari tarikh pembayaran keuntungan. Jika gagal, jumlah keuntungan akan diklasifikasikan sebagai Wang Tidak Dituntut. / *Any profit must be claimed within one year from the profit payment date. Failing which, the profit amount will be classified as Unclaimed Moneys.*
- Pelanggan dinasihati untuk mempertimbangkan semua faktor-faktor risiko sebelum membuat keputusan untuk menyimpan di dalam BSN SSP. / *Customers are advised to carefully consider all risk factors before making the decision to save in BSN SSP.*

**8. Apakah yang perlu dilakukan sekiranya terdapat perubahan pada maklumat perhubungan saya? / What do I need to do if there are changes to my contact details?**

Adalah sangat penting untuk Pelanggan memaklumkan kepada pihak Bank tentang sebarang pertukaran alamat, nombor untuk dihubungi atau butiran lain dengan mengunjungi mana-mana Cawangan Bank. Ini bagi memastikan bahawa semua pemakluman dapat disampaikan kepada Pelanggan tepat pada masanya. / *It is important for the Customer to inform the Bank of any changes to their address, contact numbers or other particulars by visiting the Bank's branches. This ensures that all correspondences reach the Customer in a timely manner.*

**9. Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan atau maklumat lanjut? / Where can I get assistance and redress?**

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai produk ini, sila rujuk terma dan syarat produk yang boleh didapati di laman web kami di [www.bsn.com.my](http://www.bsn.com.my). Anda juga boleh hubungi kami di: / *Should you require additional information on this product, please refer to the terms and conditions of the product, available in our website, [www.bsn.com.my](http://www.bsn.com.my). You may contact us at:*

**Pusat Perhubungan Pelanggan  
Bank Simpanan Nasional**  
Tel: 1300 88 1900 / 03-2613 1900 (Luar Negara) / (Overseas)  
Emel/Email: [customercare@bsn.com.my](mailto:customercare@bsn.com.my)

Jika pertanyaan atau aduan anda tidak diselesaikan dengan sepenuhnya oleh pihak Bank, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK di: / *If your query or complaint is not satisfactorily resolved by us, you may contact Bank Negara Malaysia LINK at:*

**BNMLINK**  
**Jabatan Komunikasi Korporat**  
**Bank Negara Malaysia**  
**P.O.Box 10922**  
**50929 Kuala Lumpur**  
Tel: 1300 88 5465  
Borang Web/Web Form: <https://bnmlink.bnm.gov.my/>

**10. Di mana boleh saya memperoleh informasi dengan lebih lanjut? / Where can I get further information?**

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai BSN SSP, sila rujuk terma dan syarat produk yang boleh didapati di laman web kami di [www.bsn.com.my](http://www.bsn.com.my). / *Should you require additional information on BSN SSP, please refer to the terms and conditions of the product which is accessible at our website [www.bsn.com.my](http://www.bsn.com.my).*

**11. Lain-lain produk deposit BSN yang disediakan / Other deposit packages available**

- BSN GIRO/i
- BSN GIRO/i Premium
- BSN Basic Savings/i
- BSN GIRO/i eSaver
- BSN Term Deposit/i
- BSN EcoSave-i
- BSN EduSave-i

Semua maklumat yang diberikan dalam Penyata Pendedahan Produk ini adalah sah mulai 30 Oktober 2024 / *All information provided in this Product Disclosure Sheet is valid with effect from 30 October 2024.*